

**Bantah hudud: Tukar Kurup ke kementerian lain, kata Perkasa
Malaysian Insider
5 Mei, 2014
Oleh Hasbullah Awang Chik**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Joseph Kurup tidak layak memegang portfolio perpaduan nasional selepas mengatakan hudud akan merosakkan hubungan antara kaum, kata Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa).

Presidennya Datuk Ibrahim Ali menggesa Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak segera memindahkan Kurup ke kementerian lain kerana kenyataannya itu tidak sensitif kepada umat Islam.

"Saya kutuk keras kenyataan Kurup. Siapa dia Kurup nak kata begitu? Dia menteri bertanggungjawab kepada perpaduan nasional. Bagaimana dengan kepentingan orang Islam? Jika perkara berkaitan agama ditentang, adakah ini membantu perpaduan?"

"Bila dia kata (begitu) mencemar keharmonian agama. Saya menggesa Perdana Menteri untuk memindahkannya sebagai menteri yang bertanggungjawab kepada perpaduan nasional. Dia patut ditukar kepada kementerian lain," katanya selepas mengadakan pertemuan bersama wakil Suruhanjaya Tinggi Brunei di Kuala Lumpur hari ini.

Kurup hari ini mendakwa cadangan PAS untuk memperkenalkan hudud akan mengancam perpaduan nasional, integrasi dan keharmonian di Malaysia, katanya seperti dilapor akhbar milik MCA, The Star.

Katanya, perdebatan mengenai hudud akan melukai hati bukan Islam dan mereka tidak gembira untuk menerimanya.

Ibrahim berkata kenyataan Kurup berkenaan tidak adil dan hanya mewakili bukan Islam malah menafikan kedudukan agama Islam sebagai agama Persekutuan.

"Saya nak tekankan negara ini agama Islam adalah agama Persekutuan dan majoriti orang Melayu tetapi dia awal-awal lagi dah berat sebelah terhadap Islam dalam kepalanya."

"Kita tahu perpaduan Melayu dan kepentingan agama Islam adalah teras kepada perpaduan nasional. Jika dia tidak ada perasaan ini, bagaimana dia nak mempromosikan perpaduan?" katanya.

Bekas ahli Parlimen Pasir Mas itu turut mengingatkan ahli Parlimen Umno dan PAS agar berhenti mempolitikkan hukum hudud dan mengingati hukuman berkenaan adalah suruhan Allah.

Katanya, jawatankuasa teknikal hudud ditubuhkan kerajaan dan tiada individu kepentingan politik yang menggerakkan jawatankuasa tersebut.

"Saya juga menasihatkan parti politik Melayu, Umno dan PAS untuk berhenti mengeluarkan kenyataan politik. Malulah kepada negara kecil seperti Brunei. Kita bukan cari kebaikan suruhan Allah tetapi semua mahu mencari kepentingan politik.

"Ingatlah hidup hanya sementara. Kepada pemimpin PAS dan Umno, mereka beragama Islam.

"Ingatlah pembalasan Allah di akhirat nanti. Jangan permainkan agama Allah. Jangan guna agama untuk kepentingan politik," katanya.

Ibrahim juga sempat meminta MCA agar sedarkan diri mereka dalam arena pentas politik di Malaysia dan tidak keterlaluan menentang Umno.

Katanya, Umno sejak dahulu lagi beralah kepada MCA, maka parti Cina itu jangan sesekali memberi tentangan kepada aspirasi umat Islam.

"Saya cuma nak ingatkan MCA dalam peta politik Malaysia, mereka dikira sebagai parti politik yang sudah berlalu.

"Kita kena terima kenyataan itu. MCA selalu selamat kerana pengundinya separuh Melayu atau 60% Melayu.

"Umno berkorban kerusi kepada MCA demi tolak ansur kepada kaum Cina dan berkongsi kuasa politik sejak merdeka. Cuba kita toleh ke belakang.

"Pernah MCA menang kerusi Bukit Bintang, Seputeh, Kepong, Jelutong, Kota Melaka dan Ipoh Timur? Tak pernah menang malah sebelum tsunami politik 2008," katanya.

Ibrahim berkata jika MCA terus memberi tentangan kepada hudud, maka undi Melayu yang sebelum ini berpihak kepada MCA akan menyebelahi PAS.

Katanya, MCA harus menerima kenyataan itu dengan tidak memberi tentangan terhadap hudud.

“Jika mereka sertai Kabinet, orang Melayu-Islam tidak akan menyokong MCA. Semua undi Melayu akan pergi kepada PAS. Saya katakan kepada MCA jangan terus buat kesilapan.

“Jika dukung Perlembagaan dan menerima Islam, jangan kata tidak menentang Islam, hanya hudud sahaja. Hudud adalah sebahagian daripada Islam,” katanya.

Pemimpin radikal itu turut mengambil kesempatan mencerca mendiang Karpal Singh dengan mendakwa peguam ulung itu bukan jaguh Perlembagaan.

Katanya, kenyataan Timbalan Presiden PAS Mohamad Sabu atau dikenali sebagai Mat Sabu yang menyebelahi Karpal dan menyalahkan Tun Dr Mahathir Mohamad kerana menolak hudud adalah tidak tepat.

“Mat Sabu bela mendiang Karpal dan mendakwa kononnya Dr Mahathir menghina Islam. Saya nak tanya Mat Sabu jika betul Karpal mempertahankan Perlembagaan, mengapa mendiang tidak pernah mengeluarkan kenyataan bila orang mengusik Perlembagaan?

“Pernah Karpal pertahan Perkara 153? Jika orang kata Karpal mempertahankan Perlembagaan pada saya, jangan mengarut.. Dia tak konsisten. Hanya jaga kepentingannya,” katanya. – 5 Mei, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bantah-hudud-tukar-kurup-ke-kementerian-lain-kata-perkasa>